

02 AUG 2001

Rafidah-Meritokrasi

TENTANGAN TERHADAP MERITOKRASI RENDAHKAN ORANG MELAYU

IPOH, 2 Ogos (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, tentangan terhadap cadangan melaksanakan dasar kemasukan meritokrasi pelajar Bumiputera ke institut pengajian tinggi awam (IPTA) seolah-olah menidakkan keupayaan orang Melayu.

Katanya, sikap sebegitu bukan sahaja akan menyebabkan pelajar Melayu yang cemerlang tidak mendapat pengiktirafan sebenarnya, malah golongan usahawan dan lain-lain akan dianggap berjaya semata-mata kerana bantuan kerajaan.

"Ini tidak adil bagi pelajar Melayu yang memang cemerlang, mendapat 4A dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau sembilan A dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Meritokrasi pada dasarnya bererti kelayakan...kalau tak layak tak dapat," kata beliau selepas melancarkan Koperasi Wanita Gopeng di Serdang Permai, Simpang Pulai di sini hari ini.

Rafidah berkata, motif sebenar cadangan meritokrasi itu adalah untuk mengubah sikap orang Melayu bahawa mereka hanya boleh berjaya kerana adanya sistem kuota dan pelbagai bantuan dan subsidi kerajaan.

"Wanita Umno akan sokong sebarang tindakan yang dibuat kerajaan," katanya.

Pada Jumaat lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelaksanaan dasar meritokrasi perlu dilaksanakan bagi membangkitkan kesedaran mengenai prestasi pelajar Bumiputera yang jauh lebih rendah berbanding pelajar bukan Bumiputera.

Kabinet pada mesyuaratnya semalam menyokong cadangan itu tetapi beberapa pihak, termasuk Pemuda Umno mahu cadangan itu dikaji semula.

Rafidah berkata, keistimewaan yang diperolehi oleh orang Melayu selama ini adalah kerana mereka berada dalam serba kekurangan tetapi kini mereka sudah mampu bersaing dengan kaum lain.

Katanya, orang Melayu kini perlu mengasuh anak-anak mereka daripada kecil agar tidak mengharapkan bantuan dan subsidi kerajaan semata-mata, sebaliknya berbangga dengan pencapaian sendiri.

"Di manakah terletaknya ketuanan Melayu jika kita dihambakan dengan sikap negatif, masalah sosial, dadah dan kesongsangan politik," kata beliau.

-- BERNAMA

AR AKD